



# ***IKHLAS Ilhamku***

## **Inspirasi Masa Depan Anakku**



Diuruskan oleh: Takaful Ikhlas Family Berhad (200201025412) (593075-U)

Manfaat-manfaat yang layak dibayar di bawah Sijil Takaful ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga hadnya.  
Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi **Takaful Ikhlas Family Berhad** atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

# ***IKHLAS Ilhamku***

*IKHLAS Ilhamku* adalah pelan perlindungan yang ditawarkan kepada ibu bapa dengan bantuan kewangan beserta simpanan, dan ganjaran kecemerlangan bagi pencapaian akademik dan kokurikulum anak.



## **Simpanan Pendidikan**

Simpanan untuk pendidikan dan pelbagai keperluan masa depan anak.

## **Kehidupan Anak**

Perlindungan yang tinggi atas ibu bapa penting sebagai sumber kewangan bagi meneruskan kehidupan anak.

## **Ganjaran untuk Semua**

Ganjaran Kecemerlangan pelbagai bidang seperti Akademik, Sukan, Muzik atau Pengajian berkaitan Al-Quran.

## **Pembayaran Khas**

Pembayaran Khas merupakan bantuan kewangan yang diberikan untuk perbelanjaan bagi sebarang keperluan sekolah apabila anak anda memasuki sekolah menengah. Pembayaran dibuat apabila anak mencapai umur 13 tahun.

## **Pembayaran Nilai Dana**


Pembayaran Nilai Dana merupakan bantuan kewangan yang diberikan untuk perbelanjaan bagi sebarang keperluan pembelajaran apabila anak memasuki pengajian tinggi. Anda boleh memilih untuk mendapatkan pembayaran pada usia anak di antara 18 hingga 25 tahun.

## **Contoh Senario**

Manfaat Perlindungan RM50,000 + Ganjaran Kecemerlangan (SPM + Quran) + Pembayaran Nilai Dana RM150,000

### **Andaian:**

Umur Kemasukan (Umur Hari Jadi Akan Datang) : 1 Tahun  
Sasaran untuk mengeluarkan nilai dana : 20 Tahun



Nota:

UHAD : Umur Hari Jadi Akan Datang .

PIF : Dana Individu Peserta.

# Manfaat IKHLAS Ilhamku



## Manfaat Kematian

Sekiranya anak anda meninggal dunia semasa sijil takaful berkuat kuasa, manfaat kematian berikut akan dibayar:

1. Amaun Perlindungan Asas, dibayar dari dana risiko; dan
2. Sebarang baki di dalam Dana Individu Peserta pada tarikh kematian dilaporkan.

Seterusnya, sijil takaful akan ditamatkan. Amaun perlindungan asas ini adalah dijamin dan tertakluk kepada *Juvenile Lien* seperti yang tertera di Nota Penting.



## Pembayaran Khas

Pembayaran Khas akan dibayar pada tarikh ulang tahun sijil takaful apabila anak anda mencapai umur 13 tahun pada hari jadi akan datang. Pembayaran akan dibuat daripada Dana Individu Peserta yang tidak dijamin dan tertakluk kepada kecukupan dana.

- ✓ Amaun yang dibayar adalah sepuluh peratus (10%) daripada nilai Dana Individu Peserta atau RM150, yang mana lebih tinggi.
- ✓ Tertakluk kepada pembayaran maksimum RM1,000; dan
- ✓ Baki di dalam Dana Individu Peserta selepas pembayaran dibuat hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya RM1,000.



## Pembayaran Nilai Dana

Anda perlu:

- ✓ Tentukan sasaran nilai dana yang akan dibayar
- ✓ Memilih sasaran umur diantara 18 hingga 25 tahun.

Pembayaran nilai dana adalah tertakluk kepada amaun minimum RM1,000 selepas ditolak jumlah kemampunan untuk baki tempoh sijil.

Ia akan dibayar daripada Dana Individu Peserta dan ia tidak dijamin. Amaun yang dibayar tidak akan dikenakan sebarang yuran pengeluaran.





## Manfaat Ganjaran Kecemerlangan

Manfaat ini akan dibayar apabila memperoleh pencapaian yang berikut:

GANJARAN	KATEGORI	KEPERLUAN	AMAUN (RM)
PENDIDIKAN	<b>Tahap Menengah</b>		1,000
	SPM	8 A	
	STAM	8 Mumtaz	
	STPM	4 A	
	Peperiksaan antarabangsa setaraf dengan SPM/ STPM (iaitu IGCSE, O-level, A-Level, IB)	80% A daripada jumlah subjek	
<b>Tahap Universiti</b>			
PENGAJIAN BERKAITAN AL-QURAN	Peringkat Ijazah Sarjana Muda	Kelas pertama	200
	<b>Lain-lain</b>		
BERASASKAN KEMAHIRAN	Ganjaran tunai apabila memasuki universiti	Universiti & tahap ijazah sarjana muda sahaja	1,000
	Hafazan	30 Juzu'	
BERASASKAN KEMAHIRAN	Tilawah	Peringkat kebangsaan dan ke atas	1,500
	Bidang sukan termasuk e-sports	Peringkat antarabangsa atau dilantik oleh kelab profesional (termasuk paralimpik)	
BERASASKAN KEMAHIRAN	Muzik	Diploma Profesional	1,000

Ianya akan dibayar dari dana risiko dan dijamin. Takaful IKHLAS Family mempunyai hak untuk meminta maklumat yang lebih lanjut atau dokumen yang diperlukan sebagai bukti tuntutan.


Tuntutan Ganjaran Kecemerlangan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Hanya satu (1) tuntutan dibenarkan bagi setiap kategori, contohnya anda boleh membuat tuntutan ganjaran pendidikan peringkat menengah atau peringkat Universiti termasuk ganjaran tunai.
2. Maksimum dua (2) daripada tiga (3) ganjaran dibenarkan dengan jumlah tuntutan yang boleh dibayar berjumlah RM2,700 seorang termasuk ganjaran tunai.
3. Aktiviti sukan tidak boleh melanggar prinsip syariah yang ditetapkan.



## Manfaat Matang

Anda akan menerima baki daripada Dana Individu Peserta apabila sijil takaful matang.



## Pengeluaran Sebahagian

Anda boleh memohon untuk membuat pengeluaran sebahagian pada bila-bila masa sepanjang tempoh sijil takaful.

Ia akan dibayar daripada Dana Individu Peserta dan jumlah yang dibayar adalah tertakluk kepada yuran pengeluaran.

- Amaun Minimum : RM1,000
- Amaun Maksimum : Tertakluk kepada baki minimum Dana Individu Peserta sebanyak RM1,000 selepas pengeluaran dilakukan.
- Maksimum tiga (3) kali pengeluaran sepanjang tempoh sijil takaful.



## Amaun Perlindungan

Minimum: **RM20,000**

Maksimum: **RM150,000**

## Kelayakan untuk menyertai *IKHLAS Ilhamku*



### Umur Kemasukan dan Matang bagi Anak Anda

Minimum : 30 hari  
Maksimum : 10 tahun

Umur Matang : 25 tahun

### Umur Kemasukan untuk Anda

Minimum : 17 tahun



# Tempoh Bayaran Sumbangan Takaful



5 Tahun

10 Tahun

15 Tahun

Sama Seperti Tempoh  
Perlindungan Sijil



## Pilihan Rider

Manfaat tambahan untuk anda dan kesejahteraan anak anda.

### Untuk Anak Anda

- 💡 Child CI Rider
- 💡 Cancer Rider
- 💡 Hospital Income Rider
- 💡 TPD Rider

### Untuk Anda

- 💡 Payor Rider
- 💡 Simple Payor Rider
- 💡 Payor Term Rider - dengan Accelerated Death Expense
- 💡 IKHLAS Rider



## Yuran dan Caj

<b>Yuran Wakalah</b>	Yuran <i>wakalah</i> ditolak daripada sumbangan takaful yang terdiri daripada perbelanjaan pengurusan dan komisyen. Butiran yuran <i>wakalah</i> boleh didapati di dalam ilustrasi manfaat.
<b>Caj Tabarru' (Derma)</b>	Caj <i>tabarru'</i> akan ditolak secara bulanan dari dana individu peserta ke dalam dana risiko. Caj-caj <i>tabarru'</i> akan meningkat sejajar dengan peningkatan usia anak anda. Caj Tabarru' tambahan mungkin akan dikenakan jika Takaful IKHLAS Family memutuskan untuk menerima sub-standard orang yang dilindungi. Butiran caj <i>tabarru'</i> dan caj-caj lain disertakan dalam ilustrasi manfaat.
<b>Caj Sijil</b>	Caj sijil ditolak daripada Dana Individu Peserta berdasarkan kekerapan bayaran. RM8 untuk kekerapan bayaran tahunan manakala RM10 dikenakan untuk kekerapan yang lain.
<b>Yuran Pengeluaran Sebahagian</b>	Yuran pengeluaran sebahagian sebanyak RM50 akan dikenakan untuk setiap transaksi pengeluaran tunai.
<b>Yuran Serahan</b>	Yuran serahan sebanyak RM100 akan ditolak dari nilai Dana Individu Peserta. Jika nilai Dana Individu Peserta adalah kurang dari RM100, amaun tersebut akan diambil sepenuhnya sebagai yuran serahan dan tiada amaun akan dibayar semasa serahan.
<b>Yuran Penguatkuasaan Semula</b>	RM15 akan dikenakan untuk setiap penguatkuasaan semula.
<b>Caj Pengurusan Lebihan</b>	Sehingga 50% dari lebihan kasar boleh-agih yang diisytiharkan pada setiap akhir tahun kewangan .
<b>Yuran Prestasi Pelaburan</b>	Sehingga 30% dari pendapatan pelaburan yang diperolehi daripada Dana Individu Peserta.

## Konsep Shariah

**Tabarru'** – derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama dalam kalangan peserta-peserta takaful dan akan digunakan untuk membantu peserta-peserta takaful yang ditimpa musibah atau keadaan yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Di dalam konteks pihak Takaful IKHLAS Family, tabarru' akan diperuntukkan ke dalam dana risiko.

**Wakalah** – kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Takaful IKHLAS Family, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan fi Wakalah (*ujrah*) akan dibayar kepada pihak Takaful IKHLAS Family.

## Nota Penting

1. Brosur ini adalah sebagai maklumat umum sahaja. Ini bukan kontrak takaful. Syarat-syarat yang dinyatakan adalah tidak menyeluruh dan tidak lengkap. Sila rujuk Helaian Keterangan Produk (PDS) dan ilustrasi manfaat untuk maklumat lanjut, dan yuran-yuran dan caj-caj yang dikenakan.
2. Takaful IKHLAS Family berhak untuk menyemak semula kadar sumbangan dan Tabarru', yuran-yuran dan caj-caj, manfaat, terma dan syarat. Anda akan dimaklumkan secara bertulis mengenai semakan melalui notis tiga puluh (30) hari sebelum ulang tahun sijil takaful anda.
3. Anda perlu memastikan bahawa produk yang dipilih memenuhi keperluan anda dan anak anda dan sumbangan takaful yang dibayar dibawah pelan ini adalah amaun yang anda mampu bayar.
4. *Juvenile Lien* terpakai untuk kanak-kanak dibawah lima (5) tahun, dimana manfaat yang dibayar adalah lebih rendah daripada amaun perlindungan. Amaun perlindungan akan dibayar berdasarkan jadual dibawah dan bergantung kepada terma dan syarat sijil takaful:

Umur Semasa Kematian (Hari jadi Akan Datang)	Peratusan dari Amaun Perlindungan Dibayar
1 Tahun	20%
2 Tahun	40%
3 Tahun	60%
4 Tahun	80%
5 Tahun dan ke atas	100%

5. Pulangan daripada Dana Individu Peserta anda (jika ada), akan berdasarkan prestasi sebenar dana dan ia tidak dijamin.
6. Risiko pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaat takaful mungkin akan kurang daripada jumlah sumbangan takaful yang telah dibayar.
7. Anda diberi tempoh bertenang selama lima belas (15) hari selepas sijil takaful diberikan kepada anda untuk memastikan kesesuaian menyertai pelan ini. Anda boleh membatalkan sijil takaful ini dengan mengembalikan sijil takaful kepada Takaful IKHLAS Family dalam tempoh bertenang. Takaful IKHLAS Family akan membatalkan dengan serta merta setelah menerima Sijil Takaful dan memulangkan kepada anda sumbangan takaful setelah ditolak perbelanjaan bagi pemeriksaan perubatan anda (jika ada).
8. Selepas bayaran sumbangan takaful pertama, kegagalan pembayaran sumbangan takaful seterusnya kepada Takaful IKHLAS Family pada tarikh akhir bayaran atau dalam tempoh ehsan akan dianggap sebagai tertunggak.
9. Jika pada tempoh ehsan tamat dan mana-mana sumbangan takaful masih tertunggak, Takaful IKHLAS Family akan menggunakan amaun di dalam Dana Individu Peserta untuk membayar caj tabarru' dan caj sijil takaful sehingga amaun di dalam Dana Individu Peserta sudah tidak mencukupi lagi untuk membayar caj-caj tersebut. Jika Dana Individu Peserta sudah tidak mencukupi untuk membayar caj-caj tersebut, sijil takaful akan luput.
10. Sekiranya sijil takaful luput, penguatkuasaan semula sijil takaful dibenarkan tertakluk kepada terma dan syarat Takaful IKHLAS Family.

11. Sijil Takaful ini tidak menyediakan sebarang amaun manfaat daripada dana risiko seandainya berlaku pembatalan, kematangan, penyerahan atau tamat tempoh sijil takaful.
12. Jumlah yang akan dikecualikan daripada cukai pendapatan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk sumbangan takaful adalah tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
13. Takaful IKHLAS Family mempunyai hak untuk menolak tuntutan anda sekiranya anda gagal mendedahkan maklumat yang berkaitan yang dianggap sebagai penting yang akan mempengaruhi keputusan Takaful IKHLAS Family untuk menerima atau menolak risiko dan kadar serta terma sumbangan takaful yang akan dikenakan kepada anda.
14. Sebarang amaun manfaat takaful yang dibayar daripada Dana Individu Peserta adalah tidak dijamin.
15. Amaun perlindungan asas tidak akan dibayar sekiranya anak anda meninggal dunia secara langsung atau tidak langsung akibat membunuh diri, sama ada waras atau tidak, dalam tempoh 12 bulan dari tarikh sijil takaful atau tarikh penguatkuasaan semula sijil takaful, yang mana kemudian.

## Mengenai Takaful IKHLAS Family

Takaful Ikhlas Family Berhad (Takaful IKHLAS Family) menawarkan rangkaian produk takaful keluarga yang komprehensif. Saluran pengedarannya merangkumi ejen, broker, dan institusi kewangan yang berpengetahuan dan terlatih. Takaful IKHLAS Family mempunyai 13 pejabat cawangan di seluruh negara.

### **TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD**

No Pendaftaran : (200201025412) (593075-U)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam  
2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi kami di:

### **IKHLAS Point**

Tower 11A, Avenue 5,  
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi,  
59200 Kuala Lumpur

Tel.	: 03-27239696
Fax	: 03-27239998
Laman Sesawang	: <a href="http://www.takaful-ikhlash.com.my">www.takaful-ikhlash.com.my</a>
E-mail	: <a href="mailto:ikhlascare@takaful-ikhlash.com.my">ikhlascare@takaful-ikhlash.com.my</a>